

Belum tahu apa sebenar berlaku

G. 3

UM-9/2/2019

PULAU PINANG 8 Feb. -

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, parti itu belum mengetahui apa yang sebenarnya berlaku dalam isu membabitkan sijil akademik Datuk Marzuki Yahya yang didakwa palsu.

Dalam kenyataan ringkas kepada pemberita di sini hari ini ketika diajukan soalan melibatkan Setiausaha Agung Bersatu itu, Dr. Mahathir berkata: "Kita (Bersatu) belum tahu lagi apa sebenarnya yang berlaku."

Bagaimanapun selepas laporan polis dibuat terhadapnya oleh aktivis politik di negeri ini yang mempertikai kesahihan sijil akademik itu, Marzuki kemudiannya menjelaskan ijazah beliau adalah dari Universiti Antarabangsa Cambridge yang berpusat di Amerika Syarikat (AS).

Sementara itu, dalam sidang akhbar berasingan, Setiausaha Bersatu negeri, Azahari Aris berkata, kesemua 13 bahagian parti tersebut di negeri ini berdiri teguh dan menyokong Marzuki berhubung isu tersebut.

Katanya, sokongan ahli-ahli itu di negeri ini terhadap Marzuki bukan sepenuhnya kerana taraf pendidikan beliau, sebaliknya atas kepemimpinan Marzuki sejak awal penubuhan parti itu di negeri ini sehingga ke hari ini.